

**Agong Dan Permaisuri Berangkat Ke Santapan Malam Sempena Mesyuarat Majlis Raja-raja
Bernama
26 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan berangkat ke majlis santapan malam sempena Mesyuarat ke-232 Majlis Raja-raja di Istana Negara di sini, Rabu.

Turut berangkat hadir Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir.

Majlis itu turut dihadiri Pemangku Raja Perak Raja Dr Nazrin Shah dan Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah Datuk Seri Utama Tunku Annuar Sultan Badlishah.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Norainee Abdul Rahman serta menteri-menteri Kabinet dan isteri masing-masing juga menghadiri majlis itu.

Tuanku Abdul Halim dijadual berangkat menghadiri hari kedua Mesyuarat Majlis Raja-raja itu Khamis.

Mesyuarat hari ini dipengerusikan Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=959142>